# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 20 FEBRUARI 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9. | RICE PLANTING UNAFFECTED BY HOT, DRY CONDITIONS: MADA, NATIONAL, THE SUN -4<br>HARGA MAHAL BERI KESAN KOS SARA HIDUP, LOKAL, HM -16<br>PM: RICE INITIATIVE WON'T PROFIT CARTELS, NEWS, NST -2<br>HARGA BERAS WUJUD KESAN DOMINO, NEGERI JOHOR, SH -25<br>BERAS MADANI BOLEH SEKAT KARTEL-PM, NASIONAL, SH -11<br>BERAS PUTIH MADANI TANGANI KARTEL, DALAM NEGERI, UM -1 & 2<br>SELESAIKAN SEGERA ISU KEKURANGAN BEKALAN BERAS TEMPATAN, NEGARA, KOSMO -16<br>'BERAS PUTIH MALAYSIA MADANI SEKAT CAMPUR TANGAN KARTEL', NASIONAL, BH -3<br>BERAS MADANI KEKANG KARTEL, MUKA DEPAN, BH -1 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 10.<br>11.<br>12.<br>13. | BUKAN SISA TERNAKAN BABI, LOKAL, HM -19<br>BUKAN BABI TAPI DARI LADANG ITIK, NASIONAL, SH -6<br>PENCEMARAN SUNGAI DI KEDAH BERPUNCA DARI ITIK, BUKAN BABI, DALAM NEGERI, UM -32<br>LADANG ITIK BUKAN BABI PUNCA 2 SUNGAI DI KEDAH TERCEMAR, NASIONAL, BH -20 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 14. | FAMA BAKAL BINA PUSAT PENGUMPULAN, LOKAL, HM -10 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 15. | LKIM JAMIN BEKALAN IKAN SENTIASA MENCUKUPI, NEGARA, KOSMO -16 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 16.<br>17. | HASIL PADI DIJANGKA MEROSOT 50 PERATUS, DALAM NEGERI, UM -9<br>FENOMENA EL NINO BERI KESAN KEPADA PETANI DI KEDAH, NEGARA, KOSMO -14 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 18.<br>19.<br>20.<br>21.<br>22.<br>23.<br>24.<br>25. | ORCHID EXPORT TO DUBAI TO SERVE AS BENCHMARK, NATIONAL, THE SUN -4<br>DISMEMBERED GREEN TURTLE FOUND ON BEACH, NATIONAL, THE SUN -4<br>HARGA SAYUR-SAYURAN DI JB KEKAL TINGGI, LOKAL, HM -16<br>TABUNG RM10j TANGANI KONFLIK MANUSIA-HAIWAN, NASIONAL, BH -20<br>FIGTOPIA TAWAR PENGALAMAN PETIK BUAH TIN, NASIONAL, BH -19<br>ANGGUR JERANTUT, LOKAL, HM -9<br>RM10j TABUNG KONFLIK MANUSIA HAIWAN, NEGARA, KOSMO -5<br>EMPAT SPESIES BAHARU IKAN DITEMUKAN DI TASIK BERA, NEGARA, KOSMO -5 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/2/2024 | THE SUN | NATIONAL | 4 |

# Orchid export to Dubai to serve as benchmark

**SEPANG:** The 270 gift boxes containing *Mokara* orchids that were flown to Dubai in conjunction with the 2024 Gulfood Festival will serve as a benchmark of the country's orchid industry.

The orchids flown on Sunday to Dubai reflect the direction of the Dubai Orchid Export Farm (Leod) project, covering 29.14ha in Lukut, Linggi and Sepang.

Department of Agriculture, Floriculture Industry Development Division head Mohamad Nizam Malik said although there is already a high demand for orchids, efforts to promote orchid products are ongoing.

He was speaking at the launch of a pilot project involving the export of premium gift boxes of *Mokara* orchid to Dubai at the KL International Airport recently.

Mohamad Nizam, who is also Leod project adviser, said exporting orchids to Dubai is straightforward as there is no quarantine treatment required.

However, he emphasised that the orchids must meet export quality requirements set by the Department of Agriculture to obtain the phytosanitary certificate necessary for exporting the plants.

"Traditionally, orchids are exported to Singapore, Hong Kong and Japan. However, the risk to producers is very high because their entry must comply with strict quarantine conditions, especially regarding post-harvest quarantine treatment of orchids, which is not required for export to Dubai," he said.

The first batch of the orchids was exported via the Emirates flight service on Sunday.

Meanwhile, Mohamad Nizam said several investors have expressed their interest in investing to develop the orchid industry, in addition to the floriculture industry, in Malaysia.

With more than 24,000 species of orchids worldwide and approximately 6,000 in Asia, Malaysia boasts over 1,000 orchid species, including the *Mokara* variety.

Mohamad Nizam said *Mokara* orchids are highly suitable for both local and export markets due to their extended freshness, lasting up to 14 days as cuttings. – Bernama

# Dismembered green turtle found on beach

**LABUAN:** A green sea turtle (Chelonia Mydas), with missing flippers and head, was discovered on Nagalang beach adjacent to Thai Beach Restaurant over the weekend.

The restaurant staff who stumbled upon the carcass on Saturday suspected the turtle may have perished several days ago.

The department's spokesperson revealed that the one-metre-long turtle likely washed ashore.

"We will take necessary action concerning the dead turtle, including a thorough investigation into the cause of its death," he said when contacted.

He said several beaches and islands nearby are known for green turtle landings, making the discovery a matter of concern for local authorities. – Bernama

# Rice planting unaffected by hot, dry conditions: Mada

**ALOR SETAR:** Despite the prevailing hot and dry conditions, particularly in Kedah, the rice planting activities in Kawasan Muda have remained largely unaffected, said Muda Agricultural Development Authority (Mada).

In a statement, Mada noted that padi planting for Season 2/2023 has reached 99.3% completion, spanning an area of 100,011ha.

"Whereas the flowering stage covers approximately 80.3% of the planted area, equivalent to 80,831ha, with 38% of crops already matured in 38,282ha.

"Additionally, 12.1% of the padi fields, totalling 12,208ha, have already been harvested," it said.

Despite the dry weather conditions, Mada gave an assurance that water levels at key reservoirs remain adequate to meet irrigation demands for the ongoing season.

The water reservoirs crucial for sustaining agricultural endeavours in the region, namely Pedu Dam, Muda Dam and Ahning Dam, show comfortable levels at 71.71%, 72.80% and 93.96%, respectively.

Moreover, despite a lower recorded rainfall of 12mm in Kawasan Muda compared with the 20-year average of 47mm, Mada remains optimistic that this will not impede the ongoing cropping activities, projected for completion by the end of next month.

To mitigate the effects of the dry season, Mada has intensified proactive measures, leveraging reusable pump stations to optimise water conservation from the dams. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/2/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 16 |

**BERAS PUTIH MALAYSIA MADANI**

# Harga mahal beri kesan kos sara hidup

**Johor Bahru:** Cadangan memperkenalkan beras putih Malaysia Madani di pasaran perlu dikaji berikutan akan memberi kesan terhadap kos hidup rakyat sekali gus mendorong kenaikan harga makanan.

Yang Dipertua Majlis Tindakan Pengguna Negara (MTPN) Johor Noorman Kamsani berkata, perkara itu perlu diperhalusi sama ada benar-benar mampu menangani isu ketiadaan beras tempatan.

Menurutnya, ini kerana beras Malaysia Madani itu dilihat lebih kepada penjenamaan semula dengan harga baharu yang lebih tinggi berbanding harga beras tempatan.

Katanya, harga beras super spesial tempatan ialah RM26 dengan kadar kandungan beras hancur sekitar lima hingga tujuh peratus bagi pek 10 kilogram, maka kualiti beras Madani pada harga RM30 pula sepatutnya mempunyai kandungan beras hancur kurang daripada itu.

"Kenaikan harga beras (yang dicadangkan) memberi impak besar terhadap kos sara hidup rakyat.

"Apabila harga beras meningkat, pengguna terpaksa memperuntukkan lebih banyak wang untuk membeli beras yang secara tidak langsung berlaku kesan domino ke atas kos sara hidup keseluruhan.

"Kenaikan harga beras boleh menyebabkan kenaikan harga produk makanan yang berkaitan seperti roti, mi atau makanan proses lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas program Grand Food Fest di sebuah pusat beli-belah di sini, malam kelmarin.

Noorman berkata, kenaikan harga beras juga boleh menjejaskan sektor lain yang berkaitan dengan pertanian seperti harga makanan haiwan.

"Jika petani terpaksa membayar lebih untuk beras sebagai makanan haiwan, mereka mungkin menaikkan harga daging, susu atau telur yang kemudian akan memberi kesan kepada harga pasaran.

"Oleh itu, kenaikan harga beras boleh memberi tekanan besar kepada kos sara hidup rakyat secara amnya.

"Maka kerajaan dan institusi berkaitan perlu mengambil langkah sewajarnya untuk mengurangkan kesan kenaikan harga beras agar kos sara hidup dapat dikekalkan dalam had yang mampu dihadapi oleh masyarakat," katanya.

Katanya, langkah-langkah seperti subsidi, peraturan pasaran atau kepelbagaian sumber makanan boleh menjadi strategi yang berkesan dalam menghadapi cabaran itu.

"Harap kerajaan tidak apungkan harga beras pula seperti mana harga ayam.

"Terdapat beberapa langkah yang boleh diambil untuk menangani harga beras, tetapi bergantung kepada situasi dan keadaan tertentu negara," katanya.

Menurutnya, kerajaan boleh memberi subsidi kepada petani untuk menggalakkan pengeluaran beras atau subsidi kepada pengguna bagi mengurangkan kesan kenaikan harga.

Katanya, jika bekalan beras domestik terhad, kerajaan boleh mengimport beras untuk memenuhi keperluan tempatan dan memastikan harga stabil.




BERAS putih Malaysia Madani yang dijual pada harga RM30 bagi 10 kilogram.

# Harga sayur-sayuran di JB kekal tinggi

**Johor Bahru:** Harga sayur-sayuran di bandar raya ini masih kekal tinggi walaupun terdapat jangkaan harga akan mulai turun pada minggu ini

Tinjauan di pasar basah sekitar Perling dan Tampoi mendapati harga sayuran terutama kacang panjang dan buncis, terung selain bendi masih berada pada paras tinggi.

Harga kacang buncis kekal RM15.99 sekilogram berbanding antara RM8.50 hingga RM11, manakala kacang panjang pula RM10.90 sekilogram berbanding antara RM4.50 hingga RM6.50 pada November lalu.

Peniaga sayur, Wan Aizat Ahmad, 27, berkata bekalan sayur-sayuran yang berkurangan sejak akhir tahun lalu susulan musim hujan dan banjir sejak awal bulan ini.

Menurutnya, kekurangan bekalan juga berlaku disebabkan kebanyakan pengusaha sayuran bercuti sempena Tahun Baru Cina.

"Harga sayuran masih kekal mahal ketika ini berbanding sebelum musim Monsun Timur Laut (MTL) pada November lalu berikutan bekalan yang masih rendah.

"Selain kacang buncis dan kacang panjang, turut mahal adalah terung panjang dan bulat yang kini RM12 sekilogram berbanding antara RM7.50 hingga RM8.50 pada November lalu, manakala bendi kini RM13 sekilogram berbanding hanya RM8.50, November lalu.

**"Harga sayuran masih kekal mahal ketika ini berbanding sebelum musim Monsun Timur Laut (MTL) pada November lalu berikutan bekalan yang masih rendah"**

"Harga sayuran yang diterima daripada pembekal juga tinggi dengan alasan bekalan masih kurang menyebabkan kami tidak dapat menurunkan harga," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sebelum ini, peniaga sayur-sayuran mendakwa terpaksa menaikkan harga jualan bahan mentah itu kerana menerimanya pada harga mahal daripada pembekal.

Dalam pada itu, Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia Lim Ser Kwee berkata, harga sayur melonjak naik sebelum ini kerana musim hujan dan banjir di mana dijangka harga akan turun mulai minggu hadapan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/2/2024 | NST | NEWS | 2 |

MADANI WHITE RICE

# PM: RICE INITIATIVE WON'T PROFIT CARTELS

Govt won't tolerate any intervention to monopolise supply, no decision yet on Madani rice

HAKIM MAHARI
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

PRIME Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has denied allegations that the Malaysia Madani white rice initiative (Beras Madani) will end up benefiting cartels.

He said the government would not tolerate any intervention from rice cartels on the initiative.

"No, we are cutting off the cartel intervention.

"We will discuss this at the next Naccol (National Action Council on Cost of Living) meeting and we have made no decision yet (on Beras Madani)," he said briefly during his visit to the Maybank headquarters here yesterday.

His comments followed a recent statement by Umno Youth chief Dr Muhamad Akmal Saleh, who urged the prime minister to reject the proposal for a Beras Madani initiative.



Dr Muhamad Akmal Saleh

Akmal, who is also Melaka Rural Development, Agriculture and Food Security Committee chairman, claimed that stocks of local white rice were currently difficult to source in the country's market.

"We should continue to oppose cartels that mix local rice with imported ones, not support what they are doing.

"If this Madani rice proposal goes ahead, I believe there will be no more local white rice supply in the market.

"Even now, the stocks of local white rice are so difficult to obtain," he said on his Facebook page yesterday.

Naccol food cluster task force chairman Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Faisal recently announced that the government planned to introduce a single category for white rice to replace the local and imported ones in the country's market.

Anwar had also criticised the previous government for neglecting to utilise the country's abundant natural resources to tackle food security challenges.

"Regarding food security concerns, it is illogical for the previous administration to overlook our fertile land and rely excessively on imports, which have soared to RM70 billion.

"This is an issue that demands attention and support from financial institutions through various schemes and initiatives," he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/2/2024 | SINAR HARIAN | NEGERI JOHOR | 25 |

# Harga beras wujud kesan domino

## Beras Malaysia Madani perlu berkualiti, beras hancur lebih rendah

Oleh ZULHISHAM ISAHAK
JOHOR BAHRU




Cadangan memperkenal beras putih Malaysia Madani pada harga lebih tinggi berbanding beras tempatan dijangka memberi kesan terhadap kos sara hidup rakyat selain menyebabkan harga makanan lain turut mengalami kenaikan.

Yang Dipertua Majlis Tindakan Pengguna Negara (MTPN) Johor, Noorman Kamsani berkata, beras Malaysia Madani lebih kepada penjenamaan semula beras tempatan dengan harga baharu.

"Jika sebelum ini harga beras super tempatan adalah RM26 dengan kandungan beras hancur sekitar lima hingga tujuh peratus bagi pek 10 kilogram, kualiti beras Madani berharga RM30 untuk kuantiti sama sepatutnya mempunyai kandungan beras hancur lebih rendah bagi membezakan kualitinya.

"Ini kerana kenaikan harga beras memberi impak besar terhadap kos sara hidup kerana jika harga beras meningkat, pengguna terpaksa memperuntukkan lebih banyak wang yang secara tidak langsung mengurangkan kuasa beli untuk barangan selain makanan dan perkhidmatan lain.

"Selain itu, kenaikan harga beras juga memberi kesan domino terhadap pengeluaran makanan berkaitan seperti roti, mi atau makanan proses lain," katanya ketika Program Grand Food Fest di sebuah pusat beli belah di Bandar Dato' Onn, di sini, pada Ahad.

Turut hadir Ahli Parlimen Tebrau, Jimmy Puan Wee Tse; Presiden Kebangsaan MTPN, Datuk Dr Kevy KV Yeo; Setiausaha Agung MTPN, Masrudi Abdul Rahman dan Exco Belia dan Sukan MTPN, Mohd Ariff Omar.

Noorman berkata, kenaikan harga produk makanan menyebabkan pengeluar terpaksa menanggung kos lebih tinggi mendapatkan bahan mentah.

Selain itu ujarnya, kenaikan harga juga menjejaskan sektor berkaitan lain.

"Contoh jika penternak terpaksa membayar lebih untuk makanan haiwan, mereka mungkin menaikkan harga produk seperti daging, susu atau telur yang memberi kesan kepada harga pasaran.

"Oleh itu, kenaikan harga beras memberi tekanan besar terhadap kos sara hidup secara amnya.

"Oleh itu, adalah penting bagi kerajaan dan institusi berkaitan mengambil langkah sewajarnya untuk mengurus dan mengurangkan kesan kenaikan harga beras supaya kos sara hidup dapat dikekalkan dalam had yang mampu dihadapi masyarakat," tambahnya.

Menurut Noorman, langkah seperti subsidi, pasaran atau kepelbagaian sumber boleh menjadi strategi berkesan menghadapi cabaran itu.



Jimmy Puah (dua dari kiri) menyampaikan sijil kepada peserta Program Grand Food Fest di sebuah puat beli belah di Bandar Dato' Onn, Johor Bahru.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/2/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 11 |

# Beras Madani boleh sekat kartel - PM

Belum ada keputusan berhubung isu itu, akan dibincang lebih terperinci dalam mesyuarat

**KUALA LUMPUR**

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Isnin menafikan dakwaan kononnya cadangan Beras Putih Malaysia Madani akan menyokong perbuatan kartel yang mencampurkan Beras Putih Tempatan (SST) dan Beras Putih Import (SSI).

Anwar berkata, sebaliknya tindakan kerajaan itu dilakukan bagi mengekang campur tangan kartel, namun masih belum ada sebarang keputusan berhubung isu itu setakat ini dan akan dibincang lebih terperinci dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) akan datang.

"Tidak, kami sedang mengekang campur tangan kartel tetapi kami akan berbincang dengan NACCOL. Tiada lagi keputusan," katanya selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra Perdana Menteri Bersama Warga Maybank dan Pelancaran Program Memperkasa PKS 'myimpact SME HUB' di Menara Maybank di sini pada Isnin.

Turut hadir Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk R Ramanan dan Pengerusi Kumpulan Maybank Tan Sri Zamzamzairani Mohd Isa.



ANWAR

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata demikian bagi mengulas kenyataan Ketua Pemuda UMNO, Dr Muhamad Akmal Saleh yang meminta Perdana Menteri untuk tidak membenarkan pelaksanaan beras putih Malaysia Madani seperti dicadangkan Ahli Parlimen Bukit Gantang, Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal yang didakwa seperti menyokong perbuatan kartel mencampurkan beras tempatan dan beras import.

Pada 14 Februari lalu, Syed Abu Hussin Hafiz yang juga Pengerusi Task Force (Kluster Makanan) NACCOL mengumumkan kerajaan akan memperkenalkan Beras Putih Malaysia Madani yang dijual pada harga maksimum RM30 dengan berat 10 kilogram sekampit berkuat kuasa 19 Februari ini dengan jangkaan berada di pasaran bermula 1 Mac ini. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/2/2024 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

# Beras putih Madani tangani kartel

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

## Elak bekalan terjejas, manipulasi harga beras – PM

**PETALING JAYA:** Cadangan mewujudkan beras putih Malaysia Madani akan membantu negara memerangi tindak-tanduk kartel yang sebelum ini mensabotaj bekalan makanan ruji tersebut sehingga membebankan rakyat.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menyangkal dakwaan bahawa cadangan mewujudkan beras putih Malaysia Madani akan menyokong tindakan kartel mensabotaj bekalan beras negara.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, cadangan tersebut yang dibuat untuk menggantikan beras putih tempatan (SST) dan beras putih import (SSI) yang dimansuhkan akan menghalang daripada kumpulan 'tangan hitam itu' memainkan harga beras.

"Tidak, (cadangan tersebut membolehkan) kita memotong campur tangan kartel (yang akan menjejaskan bekalan dan harga beras).

"Kita akan bincang (mengenai perkara tersebut) dalam mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (Naccol) seterusnya," katanya ketika ditemui media di sini semalam.

**Bersambung di muka 2**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/2/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |



ANWAR Ibrahim bergambar bersama kakitangan Maybank pada majlis ramah mesra di Menara Maybank, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

# Beras putih Madani tangani kartel

Dari muka 1

Perdana Menteri hadir majlis ramah mesra bersama warga Maybank di Menara Maybank, di sini dan dihadiri oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank, Datuk Khairussaleh Ramli.

Turut hadir Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Menteri Hal Ehwal Agama, Datuk Dr. Mohd. Naim Mokhtar dan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ramanan Ramakhirsnan.

Anwar mengulas dakwaan Ketua Pemuda UMNO, Dr. Muhamad Akmal Saleh bahawa cadangan mewujudkan beras putih Malaysia Madani akan menguntungkan kartel tetapi merugikan rakyat.

Beliau menggesa kerajaan untuk kembali fokus dalam usaha meningkatkan tahap sara diri (SSL) beras tempatan dan tidak melakukan tindakan yang akan menguntungkan pihak kartel.

Terdahulu, media melaporkan, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal yang juga Pengerusi Naccol membuat pengumuman dengan memperkenalkan beras putih Malaysia Madani yang akan dijual dengan harga RM30 bagi kampit 10 kilogram (kg) yang dikatakan boleh didapati di pasaran mulai 1 Mac ini.

Serentak itu, katanya, kerajaan turut menetapkan harga siling bagi beras putih pada kadar RM30 bagi kampit 10kg manakala RM15.50 (5kg) dan RM3.50 (1kg).

Bagaimanapun, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Mohamad Sabu menjelaskan kerajaan belum membuat sebarang ketetapan susulan cadangan untuk mewujudkan satu gred beras putih Malaysia Madani.

Dalam pada itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali sebelum ini mengesahkan bahawa Jumaat ini Naccol akan bermesyuarat dan dipengerusikan oleh Anwar sendiri bagi bagi membincangkan isu kos sara hidup terutamanya bekalan beras negara.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Anwar menggesa agar industri perbankan negara terus kekal berdaya saing menangani keserentakan fenomena tiga 'C' (kerumitan, huru-hara dan percanggahan) di zaman pasca-normal.

Beliau berkata, fenomena tersebut menuntut perubahan yang sangat pantas dilakukan dan tidak boleh lagi berada di dalam standard lama yang diamalkan.

"Industri kewangan perlu memainkan peranan pentingnya sebagai tonggak dalam sistem ekonomi negara untuk menyokong pertumbuhan.

"Kalau industri kewangan itu gagah perkasa dan diyakini ia akan membangun keyakinan rakyat serta pelabur sama ada domestik mahupun luar negara.

"Kepantasan, kecekapan dan keupayan pengurusannya mengurus adalah keprihatinan terhadap nasib pekerjanya serta program-program yang selari dengan tuntutan negara," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/2/2024 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# Selesaikan segera isu kekurangan bekalan beras tempatan

**HULU TERENGGANU** – Pengguna di daerah ini berharap agar kerajaan segera memuktamadkan solusi bagi mengatasi kesukaran mendapatkan bekalan beras tempatan pada masa ini.

Seorang pengguna, Zainab Abdullah, 54, berkata, beras tempatan pada harga mampu milik begitu sukar didapati di pasaran sejak lebih lima bulan lalu.

Suri rumah yang berasal dari Kampung Teris itu berkata, mahu tidak mahu dia sekeluarga terpaksa membeli beras import yang harganya melonjak antara RM40 hingga RM60 bagi sekampit seberat 10 kilogram.

"Kalau ikutkan memang membebankan apatah lagi musim cuti sekolah ini, sekampit beras 10 kilogram tahan dua minggu sahaja buat kami sekeluarga.

"Saya harap bekalan dan harga beras akan kembali stabil sebelum menjelangnya bulan Ramadan pada bulan depan," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sebuah pasar raya di Kuala Berang di sini semalam.



**ZAINAB sedang mengambil sekampit beras import di sebuah pasar raya di Kuala Berang, Hulu Terengganu semalam.**

Zainab berkata, cadangan harga beras diselaraskan kepada RM30 bagi 10kg yang diutarakan Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal baru-baru ini mungkin boleh menjadi penyelesaian baik.

"Walaupun harga cadangannya itu sedikit mahal berbanding purata RM26 bagi 10kg untuk beras tempatan sebelum ini, ia jauh lebih rendah berbanding harga beras import sekarang.

"Cepat-cepatlah kerajaan muktamadkan. Utamakan kepentingan rakyat biasa yang merupakan kelompok pengguna terbesar," katanya.

Sementara itu, seorang lagi pengguna, Siti Hajar Muhammad, 56, juga mengakui beras tempatan sangat sukar ditemui di pasaran pada masa ini.

Dia mendakwa terpaksa mengunjungi tapak program Jualan Rahmah di sekitar daerah ini setiap hujung minggu sematamata untuk mendapatkan beras tempatan.

"Pada masa ini, beras tempatan hanya boleh didapati program Jualan Rahmah, itupun kena berebut.

"Sehubungan itu, saya harap penyelesaian yang bakal diambil kerajaan nanti dapat mengembalikan beras tempatan dengan lebih mudah di pasaran," katanya.




**MUHAMMAD FAIZ (empat dari kanan) menyerahkan bantuan peralatan penangkapan ikan di Pontian semalam.**

# LKIM jamin bekalan ikan sentiasa mencukupi

**PONTIAN** – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memberikan jaminan bekalan ikan segar bagi keperluan penduduk di negara ini adalah mencukupi berdasarkan kepada peningkatan tangkapan ikan setiap tahun.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, berdasarkan kepada rekod tangkapan pada tahun 2021 sebanyak 1.75 juta tan, ia meningkat kepada 1.85 juta tan pada tahun 2022 yang lalu.

Katanya, selain bekalan ikan tempatan, ada juga pengusaha yang mengimport ikan dari luar negara bagi memastikan keperluan ikan sentiasa ada sama ada pada musim tengkujuh atau panas.

"Peratus tahap sara diri (SSL) bagi beberapa makanan bahan makanan asas termasuk ikan ketika pada tahap 90 peratus dengan keupayaan memenuhi permintaan rakyat negara ini," katanya.

Beliau sebelum itu ditemui selepas penyampaian bantuan di bawah Peningkatan Pendapatan bagi nelayan di Pejabat LKIM Pontian, di sini petang semalam.

Tambah Muhammad Faiz, selain bekalan yang disumbangkan nelayan, beliau juga menggalakkan nelayan terlibat dengan aktiviti penternakan ikan dan udang dengan kaedah kolam dan sebagainya.

"Selain bekalan dari laut, sumbangan dari mereka yang terlibat dengan bidang akuakultur juga boleh membantu menambah bekalan bagi memenuhi keperluan rakyat di negara ini," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/2/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |

# 'Beras Putih Malaysia MADANI sekat campur tangan kartel'

## Kerajaan bincang hal berkaitan pelaksanaan pada sidang NACCOL minggu ini

**Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Mohd Nasaruddin Parzi**
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan cadangan untuk memperkenalkan Beras Putih Malaysia MADANI bukan untuk menyokong kartel, sebaliknya mampu mengekang industri beras negara daripada kawalan kartel.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menjelaskan kerajaan masih belum memutuskan pelaksanaannya termasuk menetapkan harga beras dikawal, sebaliknya akan diteliti dan dibincang dalam mesyuarat Jawatankuasa Menangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), minggu ini.

"(Beras Putih Malaysia MADANI) bukan (untuk sokong kartel), (sebaliknya) ini boleh sekat campur tangan kartel (beras). Ia akan dibincangkan dalam NACCOL. Setakat ini belum ada keputusan," katanya ketika ditemui pada Majlis Ramah Mesra Perdana Menteri bersama warga kerja Maybank di sini, semalam.

Turut sama hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Mohd Na'im Mokhtar.

Anwar menjawab gesaan Ketua Pemuda UMNO, Dr Akmal Saleh yang memintanya untuk tidak membenarkan cadangan Beras Putih Malaysia MADANI dilaksanakan kerana didakwa menyokong perbuatan kartel yang mencampurkan beras tempatan dan beras import.

Akmal turut mempersoalkan kewajaran cadangan itu kerana ia seperti membunuh pasaran beras tempatan yang dijual lebih murah berbanding beras MADANI.

### Harga siling RM30

Isu itu timbul Rabu lalu apabila Pengerusi Jawatankuasa Menangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Faisal, berkata kerajaan akan memperkenalkan kategori tunggal bagi beras putih untuk menggantikan beras putih tempatan dan import yang dikenali sebagai Beras Putih Malaysia MADANI.

Serentak itu, katanya, kerajaan turut menetapkan harga siling bagi beras putih pada kadar RM30 bagi kampit 10 kilogram (kg) iaitu kenaikan daripada RM26, manakala RM15.50 (5kg) dan RM3.50 (1kg) mulai 1 Mac ini.



*Anwar bersama Pengerusi Kumpulan Maybank, Tan Sri Zamzamzairani Mohd Isa (tiga dari kiri) melakukan gimik pelancaran Program Memperkasakan PKS, MyImpact SME Hub di Menara Maybank, Kuala Lumpur, semalam.*
(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

Pada keesokan hari, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam kenyataannya menjelaskan kerajaan belum memutuskan pengenalan satu gred beras putih dikenali Beras Putih Malaysia MADANI seperti diumum Pengerusi NACCOL, yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang.

Kementerian itu juga menafikan dakwaan kewujudan kartel atau 'mafia' yang menentukan harga padi, beras dan benih padi di negara ini.

Pengumuman Syed Hussin berhubung penjualan Beras Putih Malaysia MADANI berharga RM30 bagi kampit 10kg bagi menggantikan beras putih tempatan (SST) dan beras putih import (SSI) menimbulkan persoalan ramai termasuk dalam kalangan pemain industri peruncitan dengan ada yang mendakwa kerajaan melindungi kartel dan kapitalis industri beras yang mengaut keuntungan besar.

Difahamkan, Anwar akan mempengerusikan mesyuarat NACCOL, Jumaat ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/2/2024 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

# Beras MADANI kekang kartel

Perdana Menteri menegaskan cadangan memperkenalkan Beras Putih Malaysia MADANI bukan untuk menyokong kartel, sebaliknya mampu mengekang industri beras negara daripada kawalan kartel. Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan kerajaan belum memutuskan pelaksanaannya termasuk menetapkan harga beras, sebaliknya akan diteliti dan dibincang dalam mesyuarat NACCOL, minggu ini.

*Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Mohd Nasaruddin Parzi*

→ *Nasional* 3



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/2/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 19 |

# Bukan sisa ternakan babi

## *Pencemaran 2 sungai di Kedah disebabkan ternakan itik bersebelahan ladang babi*

**Oleh Nur Izzati Mohamad**
am@hmetro.com.my

**Bukit Mertajam**

Sisa buangan yang dikesan mencemari dua sungai di Kedah berpunca daripada ladang itik di Sungai Lembu di sini, bukannya ternakan babi seperti didakwa sebelum ini.

Ia berdasarkan hasil siasatan yang dijalankan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang bersama Jabatan Alam Sekitar (Jas) negeri dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), semalam.

Pengerusi Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol berkata, pihaknya sebelum ini menjalankan siasatan ke atas ladang babi yang disyaki.

Bagaimanapun, katanya, siasatan mendapati pencemaran yang berlaku di dua sungai di Kedah bukan berpunca dari ladang babi terbabit, sebaliknya disebabkan ternakan itik yang terletak bersebelahan.

"Kita mendapati memang ada *direct discharge* (pelepasan terus) dari ladang itik terbabit yang terus (masuk) ke Sungai Air Merah dan juga menerusi Sungai Kulim," katanya kepada pemberita, di sini.

Fahmi berkata,walaupun keadaan itu mencemarkan alam sekitar, namun orang ramai tidak perlu bimbang kerana ia tidak memberi kesan kepada sumber air yang dirawat di Pulau Pinang dan Kedah.

"Harap tenang semua, ia (isu ini) tidak memberi kesan secara langsung kepada air yang dirawat PBA (Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang) yang (loji air terawat) terletak jauh 14 kilometer (km) dari lokasi ini.

"Pelepasan sisa ini masuk ke Sungai Air Merah dan hanya melintasi garis sempadan Kedah dan Pulau Pinang dan masuk balik ke Pulau Pinang," katanya.

Sementara itu, Pengarah JPV Pulau Pinang Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, siasatan mendapati ladang itik terbabit sudah beroperasi sejak 15 tahun lalu dan tidak memperolehi lesen menternak.

"Kita (JPV) akan mengambil tindakan yang seterusnya (bagi mengatasi isu ini). Ada kemungkinan pemilik kena pindahkan itik mereka yang jumlahnya sebanyak 100,000 ekor.

"Apa paling penting, dia (pemilik) perlu betulkan (sistem) kumbahan dan tidak meneruskan aktiviti *direct discharge* (pelepasan buangan secara terus) ke dalam parit atau sungai," katanya.

Semalam, Harian Metro melaporkan Jas Kedah mengesan berlaku kegiatan melepaskan sisa dari ladang babi di Sungai Lembu yang menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

Pengarahnya Sharifah Zakiah Syed Sahab dilaporkan berkata, pihaknya menerima maklumat pada Jumaat lalu sebelum siasatan dilakukan bagi mengesan punca kejadian.

Katanya, pemeriksaan lapangan pegawai penyiasat meliputi kawasan hulu sungai berjaya mengesan aliran air hitam dari Sungai Air Merah mengalir masuk ke Sungai Kulim.



**PEGAWAI JAS menggunakan 'drone' menyiasat pencemaran di Sungai Air Merah dan Sungai Kulim.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/2/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 6 |

# Bukan babi tapi dari ladang itik

## Pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah didakwa dari ladang itik beroperasi sejak 15 tahun lalu

**Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA**
BUKIT MERTAJAM

LAPORAN MUKA DEPAN

Pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah, Kedah yang disyaki akibat pelepasan sisa ternakan di perkampungan Sungai Lembu di sini dipercayai berpunca dari ladang itik dan bukan kandang babi seperti didakwa sebelum ini.

Exco Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang, Fahmi Zainol berkata, sesi lawatan ke tapak yang dilakukan membabitkan beberapa agensi berkaitan mendapati terdapat pelepasan sisa aliran air hitam ke sungai dari ladang itik.

"Semalam (Ahad) tular mengatakan pencemaran dari ladang babi tapi sebenarnya bukan. Kita pergi kedua-dua ladang dan mendapati puncanya bukan dari ladang babi tetapi datang dari ladang itik baka bersebelahan dengan ladang tersebut.

"Didapati memang ada *direct discharge* dari ladang itik seterusnya mengalir ke Sungai Air Merah dan menerusi Sungai Kulim," katanya ketika turun padang meninjau kawasan ladang ternakan di Sungai Lembu di sini pada Isnin.

Hadir sama, Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang, Dr Saira Banu Mohamed Rejab.

Dalam masa sama, Fahmi menegaskan pelepasan sisa kumbahan itu bagaimanapun tidak memberi kesan terhadap air terawat Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

"Kita harap penduduk di Kedah dan Pulau Pinang tenang kerana ia tidak memberi kesan secara langsung kepada air yang dirawat oleh PBAPP iaitu terletak sejauh 14 kilometer dan secara umumnya kesan kepada alam sekitar.

"Bagi pengguna air khususnya di luar Pulau Pinang ia tidak terkesan kerana hanya melintasi garis sempadan Kedah dan Pulau Pinang dan masuk balik ke kawasan Pulau Pinang," jelasnya.

Beliau dalam pada itu turut meminta orang ramai tidak menyebarkan maklumat tidak tepat yang boleh menimbulkan kebimbangan masyarakat berhubung isu berkenaan.

"Saya berharap orang ramai tidak terus buat kesimpulan kerana ia melibatkan dua negeri dan babi yang merupakan haiwan yang sensitif," jelasnya.



Fahmi (kiri) melihat aliran air dari ladang itik mengalir ke Sungai Lembu, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.



Kesan hitam di tali air berdekatan tapak ladang di Sungai Lembu, Bukit Mertajam Pulau Pinang.



SAIRA BANU

### Pemilik tiada lesen ternak

Sementara itu, Pegawai Veterinar Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Majlis Bandaraya Seberang Perai, Mohd Aklis Azmi berkata, kompaun akan dikenakan kepada pengusaha ladang itik membabitkan Akta 171 Akta Kerajaan Tempatan 1976 kerana kesalahan kacau ganggu yang boleh dikenakan hukuman kompaun maksimum sehingga RM1,000 jika sabit kesalahan.

Difahamkan, hasil siasatan turut mendapati, operasi ladang itik membabitkan populasi 100,000 ekor ternakan itu juga tidak memiliki lesen menternak dan sudah beroperasi sejak 15 tahun lepas.

Dalam pada itu, Saira Banu berkata, tindakan kompaun ke atas pengusaha ladang itik itu hanya boleh dilakukan jika pemilik memperoleh lesen daripada JPV.

"Ladang itik tersebut belum lagi dilesenkan di bawah JPV disebabkan enakmen penternakan atau perladangan unggas yang baru sahaja dikuatkuasakan pada 1 Januari 2024.

"Namun tindakan susulan akan diambil jika pengusaha tidak menangani masalah pencemaran selepas lesen dikeluarkan," katanya.

Saira Banu menjelaskan, ladang itik terbabit tidak boleh diarah tutup sertamerta kerana mempunyai kira-kira 100,000 haiwan itu yang berada dalam proses ternakan aktif.

"Hasil siasatan mendapati, pencemaran berlaku akibat sisa ternakan itik tidak diuruskan dengan kaedah yang betul.

"Sistem kumbahan tidak terurus dengan betul, air cuci sepatutnya ke kolam kumbahan tapi di sini dari kandang terus ke parit dan sungai," kata beliau.

Pada masa sama, pihaknya akan menasihati pengusaha ladang untuk memperbaiki sistem kumbahan mengikut syarat yang ditetapkan dalam enakmen perladangan unggas.

Sebelum ini media melaporkan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah mengesan kegiatan melepaskan sisa ternakan disyaki dari ladang babi di perkampungan Sungai Lembu, Pulau Pinang yang menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah di Kedah.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, pemeriksaan lapangan yang dilakukan pegawai penyiasat meliputi kawasan hulu sungai berjaya mengesan aliran air hitam dari Sungai Air Merah mengalir masuk ke Sungai Kulim.



Ladang ternakan membabitkan 100,000 itik itu beroperasi sejak 15 tahun lalu dan tidak mempunyai lesen menternak.



Fahmi (kanan) meninjau lokasi ladang ternakan di Sungai Lembu, Bukit Mertajam Pulau Pinang yang disyaki menyebabkan berlakunya pencemaran sungai.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/2/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |

# Pencemaran sungai di Kedah berpunca dari itik, bukan babi

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA
utusannews@mediamulia.com.my

**BUKIT MERTAJAM:** Ladang babi yang disyaki menjadi punca kepada pencemaran dua batang sungai di Kedah iaitu Sungai Kulim dan Sungai Air Merah seperti yang ditularkan semalam rupanya ladang itik baka.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang, Fahmi Zainol berkata, perkara tersebut disahkan selepas satu siasatan menyeluruh dijalankan di ladang ternakan haiwan itu di Sungai Lembu di sini.

Beliau berkata, selain Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri, turut serta dalam siasatan itu ialah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan beberapa agensi lain yang berkaitan.

"Kita pergi ke dua ladang ternakan haiwan semalam. Ladang pertama iaitu ladang khinzir didapati tidak mempunyai kaitan dengan isu pencemaran itu. Sebaliknya, masalah pencemaran tersebut dipercayai berpunca daripada ladang itik baka yang terletak bersebelahan dengan ladang tersebut.

"Dalam hal ini, kita dapati memang ada *direct discharge* (pelepasan terus air) daripada ladang itik baka itu ke Sungai Air Merah dan Sungai Kulim.

"Bagaimanapun, aktiviti tersebut tidak beri kesan langsung kepada air yang dirawat oleh PBA (PBAPP) kerana lokasinya (kawasan rawatan air) agak jauh iaitu 14 kilometer (km).

"Secara umumnya, perkara ini dilihat memberi kesan kepada alam sekitar sahaja dan bukannya pengguna air di Pulau Pinang atau Kedah," katanya kepada pemberita selepas melawat kedua-dua ladang ternakan itu di sini, semalam.



FAHMI Zainol (tengah) diberi penerangan mengenai isu pelepasan sisa babi ke Sungai Kulim, Kedah ketika melawat ladang ternakan haiwan itu di Sungai Lembu, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Media sebelum ini melaporkan bahawa JAS Kedah mengesan berlakunya kegiatan pelepasan sisa ternakan babi disyaki berpunca dari ladang perkampungan Sungai Lembu yang menyebabkan berlakunya pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah di sana.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab dilaporkan berkata, pihaknya menerima maklumat berkaitan pencemaran itu Jumaat lalu, sebelum pegawai penyiasat JAS Cawangan Kulim digerakkan bagi mengesan punca kejadian.

Sementara itu, Pengarah JPV negeri, Dr Saira Banu Mohamed Rejab memberitahu, buat masa ini, pihaknya tidak dapat mengambil tindakan terhadap pengusaha ladang ternakan itik baka itu kerana ladang berkenaan belum diletakkan di bawah bidang kuasa JPV.

Ini berikutan enakmen berkaitan penternakan serta perladangan unggas baru sahaja dikuatkuasakan awal tahun ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/2/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 20 |



Nik Nazmi melancarkan buku spesies ikan air tawar pada Majlis Sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia 2024 di Tapak Ramsar di Tasek Bera, semalam.
(Foto Roselan Ab Malek/BH)

# Tabung RM10j tangani konflik manusia-haiwan

**Bera:** Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menubuhkan Tabung Khas Konflik Manusia-Haiwan khas bernilai RM10 juta pada tahun ini bagi menangani konflik antara manusia dan haiwan.

Menterinya, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata kewujudan tabung itu hasil keprihatinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi membantu petani dan pekebun kecil yang mengalami kerugian akibat pencerobohan haiwan seperti gajah.

Katanya, ketika ini petani dan pekebun kecil mendapat bantuan daripada agensi lain seperti Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat( JKM).

"Melalui tabung khas ini petani dan pekebun kecil terbabit akan diberi pampasan lebih besar mengikut nilai kerosakan tanaman mereka yang musnah akibat pencerobohan haiwan.

"Diakui berlaku konflik kepentingan antara manusia dan haiwan yang menceroboh kawasan kediaman dan pertanian penduduk, berikutan kawasan habitat spesies semakin mengecil setiap tahun," katanya kepada media selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia 2024 di Tapak Ramsar di Tasek Bera, semalam.

Nik Nazmi berkata, NRES kini mencadangkan tiga lagi tapak Ramsar baharu iaitu Semenanjung KLIAS, Sabah, Loagan Bunut dan Sarikei, masing-masing di Sarawak.

Katanya, pada masa ini terdapat tujuh kawasan tanah lembap yang diiktiraf sebagai Tapak Ramsar di Malaysia iaitu Tasek Bera di Pahang, Tanjung Piai, Pulau Kukup dan Sungai Pulai di Johor; Kuching Wetlands National Park di Sarawak, Lower Kinabatangan-Segama Wetland dan Kota Kinabalu Wetland di Sabah.

# Ladang itik bukan babi punca 2 sungai di Kedah tercemar

**Bukit Mertajam:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang mendedahkan sisa buangan yang dikesan mencemarkan dua sungai di Kedah berpunca daripada ladang itik di Sungai Lembu, di sini, dan bukannya ternakan babi seperti dilaporkan.

Ia berdasarkan hasil siasatan dijalankan bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), semalam.

Pengerusi Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol, berkata beliau bersama semua agensi berkaitan pada mulanya menjalankan siasatan ke atas ladang babi yang dimaksudkan.

Bagaimanapun, katanya, siasatan mendapati pencemaran yang berlaku di dua sungai di Kedah itu sebenarnya bukan berpunca daripada ladang babi terbabit, sebaliknya disebabkan ternakan itik yang terletak bersebelahan.

"Kita mendapati memang ada pelepasan terus daripada ladang itik terbabit yang terus (masuk) ke Sungai Air Merah dan juga menerusi Sungai Kulim," katanya kepada media di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan JAS Kedah mengesan berlaku kegiatan melepaskan sisa ternakan babi disyaki daripada ladang perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang yang menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab dilaporkan berkata, pihaknya menerima maklumat berkaitan pencemaran itu pada Jumaat lalu, sebelum pegawai penyiasat JAS Cawangan Kulim digerakkan bagi mengesan punca kejadian.

Katanya, pemeriksaan di lapangan yang dilakukan pegawai penyiasat membabitkan kawasan hulu sungai berjaya mengesan aliran air hitam dari Sungai Air Merah masuk ke Sungai Kulim.

Fahmi berkata, walaupun keadaan itu mencemarkan alam sekitar, namun orang ramai tidak perlu bimbang memandangkan ia tidak memberi kesan kepada sumber air yang dirawat di kedua-dua negeri iaitu Pulau Pinang dan Kedah.



Fahmi (kiri) bersama Dr Saira Banu melihat anak sungai yang tercemar ketika melakukan pemeriksaan berhampiran ladang ternakan itik di perkampungan Sungai Lembu.
(Foto Danial Saad/BH)

"Isu ini tidak memberi kesan secara langsung kepada air yang dirawat oleh Perbadanan Bekalan Air (PBA) yang (loji air terawat) terletak jauh 14 kilometer dari lokasi ini.

"Pelepasan sisa ini didapati masuk ke Sungai Air Merah dan hanya melintasi garis sempadan negeri Kedah dan Pulau Pinang serta masuk semula ke Pulau Pinang," katanya.

Sementara itu, Pengarah JPV negeri, Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, siasatan mendapati ladang itik itu beroperasi sejak 15 tahun lalu dan tidak memperoleh lesen menternak.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/2/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 10 |

MASALAH DUKU KUALA BERANG

# Fama bakal bina pusat pengumpulan

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

**Kuala Berang**

Keluhan petani dan pekebun daerah ini dalam memasarkan hasil tani mereka dalam perhatian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Terengganu.

Ia termasuk desakan untuk mewujudkan pusat pengumpulan setempat untuk semua produk segar terutama Duku Terengganu yang meletakkan daerah ini sebagai pengeluar terbesar negeri.

Pengarah Fama negeri, Muhamad Fadlee Hassan berkata, pihaknya bercadang membangunkan pusat pengumpulan buah itu di Kampung Tanjung Putat.

Katanya, ia akan dibangun di atas tanah berkeluasan 1.5 hektar yang boleh juga dijadikan pusat hasil pertanian terbesar negeri.

Menurutnya, ketika ini, Terengganu mempunyai 13 lokasi pengumpulan duku dengan tujuh daripadanya terletak di Hulu Terengganu.

"Keluasan tanah bagi tanaman Duku Terengganu keseluruhannya adalah 831.4 hektar manakala bagi Hulu Terengganu pula adalah 428.6 hektar iaitu separuh daripada tanaman duku negeri.

"Justeru, Fama bercadang mewujudkan pusat pengumpulan dan pemasaran di daerah ini, memandangkan daerah ini adalah pengeluar terbesar Duku Terengganu," katanya.

Muhamad Fadlee berkata tahun lalu yang berakhir pada 31 Oktober, pihaknya membeli 450 tan metrik Duku Terengganu di seluruh negeri sebelum dipasarkan.

Katanya, pengeluaran Duku Terengganu tahun lalu juga mencapai 3,734 tan metrik yang bernilai RM6,721,000 dengan pengeluaran buah itu di Hulu Terengganu mencecah 1,872 tan metrik (RM3,370,90).

Menurutnya, Duku Terengganu adalah komoditi yang mempunyai jangka hayat pendek iaitu tiga hari dan waktu pungutan pada sebelah pagi perlu terus dihantar untuk dijual di pasaran pada sebelah petang.

"Justeru dengan wujudnya pusat pengumpulan terbesar ini diharap dapat mempercepatkan proses berkenaan," katanya.

Akhbar ini semalam melaporkan keluhan petani dan pekebun dalam memasarkan hasil disebabkan ketiadaan pusat pengumpulan setempat.



LOKASI yang dicadangkan Fama untuk dijadikan pusat pengumpulan dan pemasaran Duku Terengganu di Kampung Tanjung Putat, Kuala Berang.



*Justeru, Fama bercadang mewujudkan pusat pengumpulan dan pemasaran di Kuala Berang memandangkan daerah ini adalah pengeluar terbesar Duku Terengganu"*

**Muhamad Fadlee**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/2/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 9 |

# Anggur Jerantut



SYED Norhaimi Syed Zin, 60, berjaya membuktikan tanaman anggur boleh hidup dan berbuah lebat dengan iklim Malaysia ketika tinjauan di Pusat Pertanian Temin (PPT), Jerantut. Beliau berjaya menanam 20 jenis anggur dari pelbagai negara sejak tahun 2020 lalu dan antara jenis anggur yang ditanamnya ialah heliodor, jubilee, velez, dixon, rumba, baikonur, jupiter, lorano, beauty krasotka dan krasava. Dengan mengunakan cara penanaman rumah hijau, beliau berjaya menjadikan pokok anggurnya berbuah dua kali setahun dan menghasilkan buah yang manis. Kini kawasan tanaman anggurnya menjadi salah satu daya tarikan pelancong tempatan dan luar yang ingin melihat sendiri buah anggur segar yang ditanam di dalam empat rumah hijau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/2/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 9 |


# Hasil padi dijangka merosot 50 peratus


**Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB dan JAMLIAH ABDULLAH**
utusannews@mediamulia.com.my


**ARAU:** Hasil padi membabitkan 15,960 pesawah di Perlis dijangka merosot sehingga 50 peratus berikutan fenomena El Nino yang mengakibatkan cuaca panas dan kering.

Pesawah menjangkakan hasil musim ini boleh terjejas teruk dengan anggaran sekitar dua ke tiga tan metrik per hektar sahaja mampu dihasilkan berbanding kelaziman lima tan metrik.

Difahamkan, setakat ini hampir 90 peratus pesawah di Perlis masih belum menuai hasil.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Mohd. Noor Hashim, 60, berkata, kelewatan itu berpunca daripada isu kelewatan bekalan benih padi sebelum ini yang menyebabkan pesawah tidak dapat mengikut jadual penanaman yang ditetapkan.

"Ketika ini ada padi yang sedang membesar itu memerlukan bekalan air, namun sekarang sungai pun sudah semakin susut. Pada masa ini, hanya sekitar 10 peratus pesawah di negeri ini yang sudah menuai hasil manakala selebihnya masih dalam proses tuaian dalam tempoh terdekat.

"Memang beri kesanlah cuaca panas ini, malah tahun ini cuaca lebih panas berbanding tahun lalu dengan ada sawah sudah merekah dan kering. Padi yang baru nak keluar memerlukan air dan air sungai sekarang pun makin kurang.

"Berikutan itu, hasil juga bakal terjejas dengan jangkaan antara dua ke tiga tan metrik sahaja atau mungkin lebih sedikit. Bagi pesawah yang sudah menuai hasil, mungkin sudah selamat namun masih ramai yang belum tuai," katanya.

> **"Hasil juga bakal terjejas dengan jangkaan antara dua ke tiga tan metrik sahaja atau mungkin lebih sedikit."**

Perlis merekodkan sebanyak 15,960 pesawah dengan keluasan sawah di kawasan dalam dan luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) ialah seluas 28,033 hektar.

Cuaca panas melampau sehingga mencecah 37 darjah Celsius dengan hujan sudah lebih sebulan tidak berlaku menyebabkan terdapat kawasan sawah padi di negeri ini mula merekah dan kering kontang.

Tambah Mohd. Noor, bagi mengatasi masalah bekalan air, pam sangat diperlukan bagi membekalkan sumber berkenaan ke sawah.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan negeri, Razali Saad berkata, sebanyak 30 pam digerakkan bagi membantu menyalurkan air ke kawasan sawah sekitar negeri ini susulan keadaan cuaca panas ketika ini.

Katanya, langkah tersebut berikutan masih terdapat banyak kawasan tanaman padi di negeri ini berusia bawah tempoh 50 hari dan memerlukan penggunaan banyak air.

Sementara itu, di Alor Setar, Exco Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yob berkata, terdapat tanah sawah di luar MADA sudah merekah berikutan ketiadaan sumber air.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, beliau berkata, kira-kira 20,000 hektar sawah di kawasan luar MADA yang terkesan dengan cuaca sekarang ini kerana kawasan berkenaan hanya bergantung kepada air hujan dan air bukit.

"Jika cuaca panas berterusan tanpa hujan, kita khuatir mereka terpaksa menangguhkan jadual penanaman padi seterusnya," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Katanya, cuaca panas juga mengakibatkan pesawah terpaksa mengehadkan urusan kerja mereka di sawah.

"Ramai pesawah perlu bekerja awal, iaitu selepas subuh dan kembali ke rumah pukul 10 pagi sebelum kembali semula ke sawah selepas 5 petang kerana faktor cuaca terlalu panas. Agak berisiko untuk terkena strok haba," katanya.

Tambah beliau, pihaknya amat berharap agensi berkaitan seperti MADA, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (AIDA) dan agensi lain dapat membuat persediaan untuk menghadapi fenomena El Nino yang dijangka lebih dahsyat pada tahun depan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/2/2024 | KOSMO | NEGARA | 14 |

Dijangka jejaskan 20,000 hektar sawah di luar kawasan MADA

# Fenomena El Nino beri kesan kepada petani di Kedah

Oleh JAMLIAH ABDULLAH



SEORANG pesawah, Ghazali Khamis, 58 melihat keadaan kawasan sawah padi yang menjadi kering kontang di Kampung Benua, Simpang Empat, Alor Setar baru-baru ini.

**ALOR SETAR** – Fenomena El Nino dijangka menjejaskan tanaman padi yang berada di luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) memandangkan mereka bergantung sepenuhnya kepada air hujan dan air bukit.

Exco Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yob berkata, terdapat sawah di luar MADA sudah merekah berikutan ketiadaan sumber air mencukupi.

"Di Kedah kita ada kira-kira 20,000 hektar sawah di luar kawasan MADA, mereka pun antara penyumbang kepada keterjaminan makanan negara. Begitu juga sawah di negeri-negeri lain, terdapat kawasan sawah di Melaka contohnya, turut terkesan dengan cuaca panas sekarang.

"Saya difahamkan rakan-rakan pesawah di luar MADA, ada tanah sawah mereka yang sudah merekah kerana tiada hujan, jadi keadaan ini membimbangkan untuk mereka memulakan tanaman bagi musim seterusnya.

"Jika cuaca panas berterusan tanpa hujan, kita khuatir mereka akan menangguhkan jadual penanaman padi," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Bagaimanapun katanya, bekalan air untuk sawah di kawasan MADA tidak terjejas.

"Lagipun kini sudah lebih 10 peratus padi kawasan MADA sudah dituai," ujarnya.

Mengulas lanjut, Abdul Rashid berkata, cuaca panas kali ini turut mengakibatkan pesawah terpaksa mengehadkan urusan kerja di sawah.

"Ramai pesawah perlu bekerja awal iaitu selepas subuh dan kembali ke rumah pada pukul 10 pagi sebelum ke semula ke sawah pada pukul 5 petang.

"Waktu puncak antara pukul 1 tengah hari hingga 2 petang sangat panas, kita akui aktiviti di sawah agak terganggu. Kita nasihatkan pesawah untuk jaga kesihatan kerana ramai pesawah ini berusia lingkungan 50-an ke atas, mereka agak berisiko untuk terkena strok haba," katanya.

Tambah beliau, pihaknya sangat berharap agensi berkaitan seperti MADA, Jabatan Pengairan dan Saliran, Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (AIDA) dan lain-lain agensi dapat membuat persediaan untuk menghadapi fenomena El Nino yang dijangka lebih dahsyat pada tahun depan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/2/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 19 |

# Figtopia tawar pengalaman petik buah tin

## Pengunjung turut berpeluang menikmati produk hiliran terus dari ladang

**Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri**
bhnews@bh.com.my

**Taiping:** Jika di Cameron Highlands pengunjung dapat menikmati buah strawberi segar sejurus dipetik di kawasan ladangnya, ladang buah tin, Figtopia di Changkat Jering, di sini pula menawarkan pengalaman sama apabila pengunjung dapat memetik dan terus menikmatinya.

Itu kelainan ditawarkan di ladang tanaman buah tin berkeluasan 1.4 hektar itu, sekali gus terbesar di Perak.

Ia membabitkan lebih 1,000 pokok dengan kira-kira 60 jenis pokok tin dan menerapkan konsep agropelancongan sejak dibuka pada penghujung 2020.

Selain pengalaman memetik di ladang, pengunjung berpeluang menikmati produk hiliran berasaskan buah itu antaranya jem, jus, ais krim, krep dan biskut yang juga boleh dibeli terus dari ladang berkenaan.

**2030 PERAK SEJAHTERA**

### Dapat permintaan tinggi

Pengurus dan juga pemilik ladang, Mohd Yusof Nor Badarudin, 38, berkata permintaan terhadap buah yang lazim didapati di negara empat musim itu kian meningkat, berikutan pasaran tempatan tidak dapat memenuhi permintaan tinggi disebabkan penanaman itu masih baharu di Malaysia.

Yusof berkata, ladang tin diusahakan itu mampu menghasilkan buah secara bersambungan dengan pengeluaran setiap hari sehingga 80 kilogram (kg).

Semua itu berbekalkan pengalamannya dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta uji kaji kendiri yang dijalankan lapan tahun sebelumnya.

Katanya, pada awal mengusahakan tanaman tin, dia terpaksa menggunakan modal sendiri kerana ia kurang mendapat sokongan agensi kerajaan.

Katanya, keadaan itu menyebabkan sejak lapan tahun lalu dia banyak berhabis wang sendiri bagi menjalankan R&D kendiri.

Ia untuk memastikan jenis pokok tin yang mana sesuai tumbuh di Malaysia, memandangkan terdapat kira-kira 2,000 jenis pokok tin di seluruh dunia.

"Di Malaysia penanaman pokok tin bermula sekitar 10 hingga 11 tahun lalu dan tidak semua jenis sesuai ditanam di negara ini.

"Jadi, saya kena cuba serta uji sendiri dan berhabis banyak wang untuk membuat R&D bagi mengetahui mana yang sesuai.

"Ketika itu, pokok tin mencecah antara RM1,500 hingga RM5,000 sepokok, belum masuk kalau beli kemudian mati.

"Walaupun tanpa bantuan kewangan daripada agensi kerajaan, ladang saya usahakan ini diiktiraf dengan skim pensijilan Amalan Pertanian Baik atau myGAP dari Jabatan Pertanian bagi subsektor tanaman," katanya kepada *BH*.



*Mohd Yusuf menunjukkan sijil MYGAP di ladang Figtopia, Changkat Jering, Taiping.*

Mohd Yusof yang memiliki Sarjana Muda Ekonomi Islam dan Antarabangsa dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, berkata permintaan tinggi terhadap buah tin menyebabkan dia mengambil keputusan tidak lagi mengeluarkan hasil untuk dijual kepada selain dari kawasan Figtopia.

Beliau yang mengusahakan ladang itu bersama rakan kongsi, Hawari Walik, 36, berkata ia bagi memberi keutamaan kepada pengunjung yang datang membeli atau merasai hasil dan produk hiliran keluaran di Figtopia, sekali gus berupaya menyemarakkan aktiviti ekopelancongan di sekitar kawasan Taiping.

"Menjadi hasrat kami untuk mendekati mana-mana pihak termasuk kerajaan bagi mencari peluang baharu bagi membesarkan potensi pasaran buah tin ini, berikutan ia memerlukan kawasan serta kos besar kerana konsep penanamannya secara 'rumah hijau'," katanya.

Menerusi pelan pembangunan negeri Perak Sejahtera 2030 cetusan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, Hab Agropelancongan diletakkah sebagai antara agenda di bawah intipati (flagship) Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan), selain pelan sama turut menyenaraikan 'flagship' Ekonomi Pengalaman.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/2/2024 | KOSMO | NEGARA | 5 |




NIK NAZMI (dua dari kanan) melancarkan buku spesies ikan di Tasik Bera pada majlis Hari Tanah Lembab Sedunia 2024 di Tasik Bera semalam.

Bantu petani terjejas tanah diceroboh binatang liar

# RM10 j tabung konflik manusia haiwan

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD

**BERA** – Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam menubuhkan tabung khas konflik manusia haiwan dengan nilai permulaan RM10 juta tahun ini.

Menterinya, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, tabung itu adalah hasil keprihatinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi membantu petani dan pekebun kecil yang mengalami kerugian akibat pencerobohan haiwan liar seperti gajah.

Menurutnya, ketika ini petani dan pekebun kecil mendapat bantuan daripada agensi lain seperti Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Melalui tabung khas ini, petani dan pekebun kecil terlibat akan diberi pampasan lebih besar mengikut nilai kerosakan yang dialami akibat pencerobohan haiwan berkenaan.

"Diakui berlaku konflik kepentingan antara manusia dan haiwan yang menceroboh kawasan kediaman dan pertanian penduduk berikutan kawasan habitat spesies semakin mengecil setiap tahun ini," katanya pada Majlis Sambutan Hari Tanah Lembab Sedunia 2024 di Tasik Bera di sini semalam.

Tema *Wetlands and Human Wellbeing* atau Tanah Lembap dan Kesejahteraan Manusia dipilih sebagai tema bagi menekankan kepentingan ekosistem tanah lembap kepada kehidupan.

Nik Nazmi berkata, Malaysia sangat bertuah kerana mempunyai kekayaan ekosistem tanah lembap yang luas meliputi keluasan lebih 5.19 juta hektar.

Tambahnya, dari segi struktur geografi, tanah lembap meliputi kawasan tanah gambut, paya bakau, sungai, tasik dan terumbu karang yang menjadi habitat kepada spesies flora dan fauna.

Ujarnya, sebanyak tujuh kawasan tanah lembap telah diiktiraf sebagai Tapak Ramsar di Malaysia iaitu Tasik Bera di Pahang, Tanjung Piai, Pulau Kukup dan Sungai Pulai (Johor), Kuching Wetlands National Park (Sarawak), Lower Kinabatangan-Segama Wetland dan Kota Kinabalu Wetland di Sabah.

Beliau memberitahu, kerajaan sedang meneliti cadangan tapak Ramsar baharu iaitu Semenanjung Khas, Sabah, Loagan Bunut, Sarawak dan Sarikei, Sarawak.

"Tasik Bera Tapak Ramsar yang pertama berkeluasan lebih 30,000 hektar menjadi habitat flora dan fauna bagi spesies yang terancam kepupusan," ujarnya.

## Empat spesies baharu ikan ditemukan di Tasik Bera

**BERA** – Tasik Bera merekodkan penemuan empat spesies baharu ikan air tawar daripada 158 spesies yang direkodkan termasuk satu jenis berstatus endemik dan satu spesies yang telah pupus.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, spesies ikan didokumentasikan dalam buku *Fishes of Tasik Bera*.

Katanya, penerbitan buku itu merupakan usaha kolektif antara kementerian itu dengan beberapa institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaya (UM), Universiti Selangor (Unisel), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Terdapat pelbagai maklumat berkenaan spesies ikan air tawar di Tasik Bera seperti imej, nama saintifik, nama tempatan, status konservasi, morfologi, taburan, habitat, pengurusan serta aktiviti komuniti.

"Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan, keindahan dan kepelbagaian spesies ikan air tawar di Malaysia," katanya pada Majlis Sambutan Hari Tanah Lembab Sedunia 2024 di Tasik Bera di sini semalam.

Menurutnya, sebanyak 158 spesies ikan air tawar daripada 36 famili termasuk empat spesies baharu didapati menjadikan Tasik Bera sebagai habitat.

Dalam pada itu beliau berkata, pihaknya sentiasa memandang serius penglibatan Orang Asli di dalam ekosistem tanah lembap Tasik Bera termasuk dalam memelihara dan menjaga kawasan tersebut.

Justeru katanya, kawasan itu telah dijadikan sebagai salah satu kawasan markas taktikal bagi Operasi Bersepadu Khazanah, yang mana sebanyak 134 dan 153 rondaan telah diadakan masing-masing pada tahun 2022 dan 2023.

"Pelantikan Renjer Komuniti yang terdiri daripada tiga orang Orang Asli Semelai juga membuktikan bahawa kerajaan mengiktiraf peranan penting komuniti Orang Asli di Tasik Bera.

"Saya mengharapkan agar kerjasama erat antara komuniti Orang Asli dan juga pengurusan Tapak Ramsar Tasik Bera dapat diperkukuhkan," ujarnya.